From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Monday, 8 August, 2022 8:15:27 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Lawatan IPQ Ke USM Sebagai Persiapan Audit Pengekalan Swaakreditasi

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

8 OGOS 2022 / 10 MUHARAM 1444H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Salina Ali
Gambar oleh: IPQ

LAWATAN IPQ KE USM SEBAGAI PERSIAPAN AUDIT PENGEKALAN SWAAKREDITASI



UUM ONLINE: Pulau Pinang - Institut Pengurusan Kualiti (IPQ) telah mengadakan lawatan penanda aras ke Pusat Swa-Akreditasi, Universiti Sains Malaysia (USM), baru-baru ini.

Lawatan ini diketuai oleh Pengarah IPQ, Prof. Madya Dr. Mohd Haniff Jedin; Timbalan Pengarah Swaakreditasi, Prof. Madya Dr. Siti Nurazira Mohd Daud; Timbalan Pengarah Kualiti dan Pentadbiran, Faizah Hashim dan staf IPQ.

Mohd Haniff berkata, USM dipilih sebagai lokasi lawatan kerana universiti tersebut telah melalui Audit Pengekalan Swaakreditasi pada Februari 2022 yang lalu.

Menurutnya, tujuan lawatan adalah untuk mendapatkan input tentang persediaan dan pelaksanaan Audit Pengekalan Swaakreditasi, di samping berkongsi tadbir urus dan meninjau amalan baik yang diamalkan di

pusat berkenaan yang boleh dijadikan panduan dan rujukan.

Sesi perkongsian telah disampaikan oleh Pengarah Pusat Swa-Akreditasi USM, Prof. Dr. Azura A. Rashid dan Timbalan Pengarah, Dr. Mahadi Mohammad.

Hasil dari lawatan tersebut banyak maklumat berkaitan swaakreditasi telah diperolehi, selain pelbagai isu dan masalah berhubung tadbir urus Swaakreditasi juga dibincangkan.

Lawatan ini berjaya membuka laluan hubungan antara kedua pihak untuk bertukar-tukar maklumat serta pengalaman dalam pengoperasian di kampus maisng-masing.



Please consider the environment before printing this e-mail

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.